



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2010

BANTUAN KHAS KEWANGAN KEDUA TAHUN 2010

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan memberi Bantuan Khas Kewangan kali kedua bagi tahun 2010 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Kewangan kali kedua sebanyak RM500.00 diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan sebagai tanda keprihatinan dan penghargaan terhadap sumbangan pegawai yang memberi komitmen penuh dalam menjayakan agenda Kerajaan.

PELAKSANAAN

3. Bantuan Khas Kewangan Kedua 2010 diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang masih berkhidmat pada 15 Oktober 2010 dan selepasnya, tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-

kurangnya 30 hari berturut-turut pada tahun 2010. Pegawai yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Kedua 2010 adalah seperti berikut:

- a. pegawai tetap, sementara, sangkut, sambilan, *contract of service* dan guru sandaran;
 - b. pegawai yang bercuti separuh gaji;
 - c. pemandu yang dilantik oleh pegawai Jawatan Utama 'B' dan ke atas serta Gred Khas 'A' ke atas dan setaraf yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya;
 - d. pegawai *contract of service* yang putus perkhidmatannya selama satu hari sebelum disambung semula perkhidmatan kontraknya; dan
 - e. pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji/ berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya/ dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta tetapi tidak sepanjang tahun 2010.
4. Bantuan Khas Kewangan Kedua 2010 juga dipanjangkan kepada pegawai yang berkhidmat secara *contract for service* yang setaraf gred 54 dan ke bawah.

Pegawai Yang Tidak Layak

5. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang tidak layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Kedua 2010 adalah seperti berikut:
- a. pegawai yang tidak lagi berkhidmat sebelum 15 Oktober 2010;
 - b. pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji sepanjang tahun 2010;
 - c. pegawai yang berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya sepanjang tahun 2010;
 - d. pegawai yang dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tahun 2010;
 - e. pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan Perkhidmatan Awam atau demi kepentingan awam dalam tahun 2010;
 - f. pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran; dan

- g. pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memegang Jawatan Utama/ Gred Khas.

Pegawai Yang Ditangguhkan Pemberian Bantuan Khas Kewangan Kedua 2010

6. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian Bantuan Khas Kewangan Kedua 2010. Pegawai hanya layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Kedua 2010 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman amaran.

Kaedah Pembayaran

7. Pegawai yang meletak jawatan atau tamat kontrak dan dilantik semula di dalam Perkhidmatan Awam selepas 15 Oktober 2010 layak dibayar sekali sahaja Bantuan Khas Kewangan Kedua 2010 iaitu dibayar oleh jabatan tempat pegawai berkhidmat sekarang.

8. Bantuan Khas Kewangan Kedua 2010 sebanyak RM500.00 dibayar pada 1 Disember 2010.

JABATAN YANG MEMBAYAR

9. Bantuan Khas Kewangan Kedua 2010 adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai ditempatkan pada bulan pembayaran di mana pegawai bertugas.

10. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang akan bersara mulai 2 Disember 2010, pembayaran akan dibuat oleh jabatan terakhir pegawai bertugas. Manakala bagi pegawai yang bersara dan menerima pencen pada atau sebelum 1 Disember 2010, pembayaran akan dibuat oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

11. Bagi pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara *contract of service* atau *contract for service*, pembayaran Bantuan Khas Kewangan Kedua 2010

akan dibayar sekali sahaja iaitu sebagai pesara Kerajaan. Pembayaran akan dibuat oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.


TARIKH KUAT KUASA

12. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

13. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

10 November 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan